

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK RONALD KIANDEE (BELURAN)**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2019**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [ BELURAN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Malaysia dalam isu melibatkan bekas rakyat Malaysia yang telah melucutkan kerakyatan mereka kerana percaya bahawa pasport British Overseas Citizen (BOC) membolehkan mereka diberi kerakyatan automatik di United Kingdom namun kini terkandas dan dikategorikan sebagai stateless di negara tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagaimana sedia maklum, pemegang pasport British Overseas Citizen (BOC) merupakan bekas warganegara yang telah melepaskan kewarganegaraan Malaysia dan memohon kewarganegaraan Britain. Walau bagaimanapun, permohonan mereka gagal kerana tidak mematuhi syarat di bawah Undang-Undang Kerakyatan Britain 1981.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak 1 Julai 2013, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan inisiatif untuk membantu memudahkan proses bagi pemegang BOC kembali ke Malaysia seperti berikut:

- (i) mengadakan perbincangan dengan Kerajaan British berhubung prosedur kepulangan;
- (ii) menyediakan kemudahan imigresen bagi memastikan pemegang pasport BOC boleh berada di Malaysia secara sah;
- (iii) menyediakan kaunter khas di KLIA bagi memudahkan mereka melapor diri sebaik sahaja tiba di Malaysia;
- (iv) menempatkan Pegawai imigresen khas di KLIA yang berperanan membantu pemegang pasport BOC; dan
- (v) memberikan khidmat nasihat sebelum dan selepas kepulangan melalui Atase Imigresen di United Kingdom serta Pegawai-pegawai di Jabatan Imigresen Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri.

Kesemua pemegang pasport BOC yang ingin pulang ke Malaysia perlu memohon dan akan dikeluarkan dengan Pas Residen selaras dengan Peraturan 16A, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.